Perkhidmatan lanjut dan pemulihan penglihatan terhad boleh didapati dari Hospital Kerajaan/Hospital Universiti/Hospital Swasta yang menyediakan perkhidmatan pakar mata

**Agensi-agensi lain yang boleh membantu:**

- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
- Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia
- Lain-lain badan bukan kerajaan seperti:
  - St. Nicholas Homes
  - *Society for the Blind*
  - *Sabah Society for the Blind*
  - *Sarawak Society for the Blind*
  - Persatuan Bagi Orang-orang Buta Malaysia (MAB)



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
www.myhealth.gov.my | www.infosihat.gov.my

## BAGAIMANA MEMBANTU PENGLIHATAN TERHAD?

**Penglihatan terhad boleh dibantu melalui:**

- Peralatan optikal
- Peralatan bukan optikal
- Peralatan elektronik
- Modifikasi persekitaran
- Orientasi dan Mobiliti
- Kaunseling

**Peralatan optikal:**



Kanta pembesar



Kanta teleskop



**Peralatan bukan optikal:**



Panduan menulis




a ) Pencahayaan
b ) Tiposkop

**Peralatan elektronik:**




Televisyen litar tertutup (CCTV)



Kanta pembesar elektronik mudah alih

**Modifikasi Persekitaran:**





Penggunaan kontras atau/dan warna



## MASALAH PENGLIHATAN TERBAHAGI 3 KATEGORI:

- Gangguan penglihatan yang boleh dibetulkan dengan memakai cermin mata (rabun jauh/rabun dekat)
- **Penglihatan terhad** atau gangguan penglihatan yang tidak dapat dirawat atau dibetulkan dengan cermin mata tetapi boleh dikurangkan dengan menggunakan alat bantu seperti kanta pembesar dan teleskop
- Kebutaan yang memerlukan intervensi pemulihan

**Penglihatan Terhad dan Kebutaan adalah kategori Orang Kelainan Upaya (OKU) dan boleh didaftarkan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat**

## PENGLIHATAN TERHAD




Penglihatan terhad adalah di mana tahap penglihatan seseorang lebih teruk daripada 6/18 sehingga 3/60

***Tahap penglihatan 6/18 bermaksud seseorang itu hanya mampu melihat objek dari jarak 6 meter manakala seseorang normal dapat melihat objek sama pada jarak 18 meter***



## TANDA-TANDA PENGLIHATAN TERHAD:

- Penglihatan menjadi kabur atau berjerebu
- Keluasan medan penglihatan semakin mengecil seperti melihat melalui teropong
- Atau gabungan kedua-duanya



Penglihatan normal



Penglihatan kabur/berjerebu



Medan penglihatan mengecil

## PENYEBAB UTAMA PENGLIHATAN TERHAD ADALAH:

1. Katarak yang tidak dirawat
2. Rabun yang tidak dapat dibetulkan
3. Retinopati diabetik akibat diabetes tidak terkawal
4. Degenarasi makular akibat penuaan
5. Retinopati Pigmentosa (masalah genetik)
6. Glaukoma

**Apakah yang dilihat oleh individu penglihatan terhad?**

1. Gangguan pandangan akibat katarak yang tidak dirawat




2. Gangguan pandangan akibat rabun yang tidak dibetulkan



3. Gangguan pandangan akibat retinopati diabetik yang tidak terkawal




4. Gangguan pandangan akibat degenarasi makular disebabkan penuaan



5. Gangguan pandangan akibat retinitis pigmentosa (masalah genetik)



6. Gangguan pandangan akibat glaukoma



**" Sekiranya anda mengalami masalah penglihatan seperti di atas, sila dapatkan pemeriksaan mata di klinik atau hospital yang berdekatan "**